



JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA SEKOLAH MENENGAH

PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK (2)
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2010

02/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Ogos

1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

Soalan 1 – 7

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Para petani di negara kita menggunakan _____ untuk memotong padi.
A tuai
B sabit
C pisau
D ketam

- 2 Mak cik Zainab menjual rantai pusaka ibunya kerana dia kesempitan wang untuk _____ pembedahan mata suaminya.
A menyara
B melunaskan
C membiayai
D membereskan

- 3 Kerajaan Malaysia mengalu-alukan _____ yang bekerja di luar negara agar pulang dan berkhidmat di negara ini.
A karyawan
B sejarawan
C negarawan
D cendekiawan

- 4 Kualiti dan pembungkusan makanan ringan yang dihasilkan oleh pengusaha industri makanan ringan di negara kita _____ dengan barang-barang yang diimport dari luar negara.
A seiras
B sesuai
C seiring
D setanding

5 Pada waktu cuti sekolah, bapa Halim sering membawa ahli keluarganya _____ ke kampung halamannya di negeri Kedah.

- A berangkat
- B kembali
- C diam
- D menetap

6 Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



Kelihatan _____ tiang lampu dipasang di sepanjang jalan masuk ke Istana Alam Indera.

- A beruntai
- B berbaris
- C bersusun
- D bertabur

7 Pelbagai acara telah _____ untuk menarik minat orang ramai berkunjung ke Pesta Buku 2010 peringkat negeri Selangor baru-baru ini.

- A diatur
- B dibuat
- C dibentuk
- D disenarai

Soalan 8 - 14

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 8 Nadia dan suaminya kelihatan anggun bergaya di majlis persandingan mereka yang meriah dan sangat gilang-gemilang itu. Tiada kesalahan.
- A B
C D
- 9 Murid yang teramat pandai dalam mata pelajaran Matematik di kelas kami ialah Farhan. Tiada kesalahan.
- A B C
D
- 10 Kerajaan menyeru pelbagai pihak supaya berusaha untuk menangani masalah penyeksaan kanak-kanak dalam kalangan masyarakat pada masa ini. Tiada kesalahan.
- A B
C D
- 11 "Sila catatkan senarai peserta-peserta yang akan menyertai pertandingan syarahan sempena Bulan Kemerdekaan." kata Puan Lina kepada Majid. Tiada kesalahan.
- A B
C D
- 12 Pemergian Sultan Johor dalam Kembara Mahkota Johor ke daerah pedalaman itu telah mendapat sambutan daripada penduduk di situ. Tiada kesalahan.
- A B
C D
- 13 Keengganan orang tengah untuk menawari harga ikan yang berpatutan telah menyebabkan nelayan di jeti itu menjual ikan-ikan mereka terus kepada pembeli. Tiada kesalahan.
- A B
C D
- 14 Murid-murid sekolah beruntung kerana dapat belajar menggunakan komputer dan tidak lagi bergantungkan kepada buku teks sahaja. Tiada kesalahan.
- A B
C D

Soalan 15–17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 15
- I Sebelum gulai lemak itu dihidangkan, ibu *berasa* masakan itu.
 - II Tangannya *berasa* kebas apabila terlalu lama berteleku.
 - III Dia *berasa* hendak memukul peragut itu habis-habisan.
 - IV Dia *berasa* badannya panas seperti dibakar dengan api.
- A I dan II
B III dan IV
C I, II, dan III
D II, III, dan IV
- 16
- I Kanak-kanak pintar itu dapat menyelesaikan masalah Matematik itu dengan *mencongak* sahaja.
 - II Faiz *mencongak* kisah perjuangannya ketika menentang komunis pada zaman darurat.
 - III Jason *mencongak* wajah kanak-kanak itu berulang kali sebelum memberikan gula-gula.
 - IV Emak dapat *mencongak* bahawa Deborah akan berjaya dalam pertandingan itu.
- A I dan II
B II dan III
C I dan IV
D I, III, dan IV
- 17
- I Kebanyakan hasil karya sasterawan era 50-an lebih *menyingsing* ke arah semangat patriotik dalam kalangan rakyat.
 - II Murid-murid yang tinggal di pedalaman akan pergi ke sekolah sebelum fajar *menyingsing*.
 - III Apabila awan mulai *menyingsing*, matahari akan bersinar kembali.
 - IV Keadaan bendang yang berair menyebabkan petani *menyingsing* lengan untuk menyulam padi.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 18 - 21

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 18 Nenek gemar menceritakan tentang peristiwa pendudukan Jepun di Tanah Melayu kepada cucu-cucunya.
- A gemar cerita akan
B gemar bercerita tentang
C gemar mencerita tentang
D gemar menceritakan tentang
- 19 Puan Mardhiah mengarahkan guru koperasi sekolahnya supaya membeli lima puluh lima setengah meter kain batik Terengganu.
- A lima puluh meter lima setengah
B lima puluh lima meter setengah
C lima puluh setengah lima meter
D lima puluh lima setengah meter
- 20 Noor Fatim memujuk adiknya yang menangis sejak akhir-akhir ini kerana adiknya itu amat rindu ibunya.
- A rindu kepada ibunya.
B rindu akan ibunya.
C rindukan ibunya.
D rindu ibunya.
- 21 Daripada sehari ke sehari, Mak Limah menunggu kepulangan suaminya dari luar negara dengan sabar.
- A Dari hari ke sehari
B Daripada sehari ke hari
C Dari sehari ke sehari
D Daripada sehari ke sehari

Soalan 22 - 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 22 Masalah sosial dalam kalangan remaja di Malaysia akan diatasi secara menyeluruh melalui pendekatan psikologi.**
- A Masalah sosial akan dapat diatasi jika kerajaan menggunakan pendekatan psikologi di seluruh negara.
 - B Pendekatan psikologi digunakan untuk mengatasi masalah sosial dalam kalangan remaja secara menyeluruh di Malaysia.
 - C Langkah untuk mengatasi masalah sosial remaja di negara ini memerlukan pendekatan psikologi secara menyeluruh.
 - D Secara keseluruhannya, pendekatan psikologi wajar digunakan di negara ini untuk mengatasi masalah sosial dalam kalangan remaja.
- 23 Sebelum murid-murid pulang bercuti, Bendahari PIBG telah mengingatkan mereka agar menjelaskan yuran kelas bimbingan berjumlah RM150.00.**
- A Bendahari PIBG telah mengingatkan murid-murid yang bercuti agar yuran kelas bimbingan yang berjumlah RM150.00 dijelaskan.
 - B Yuran kelas bimbingan yang berjumlah RM150.00 diminta untuk dijelaskan kepada Bendahari PIBG oleh murid-murid sebelum mereka pulang bercuti.
 - C Murid-murid yang hendak pulang bercuti telah diberi peringatan oleh Bendahari PIBG agar melunaskan yuran kelas bimbingan yang berjumlah RM150.00.
 - D Sebelum murid-murid pulang bercuti, mereka diminta untuk menjelaskan yuran kelas bimbingan yang berjumlah RM150.00 kepada Bendahari PIBG sebagai cagaran.
- 24 "Apabila saya tidak menjalani latihan bola sepak, saya sentiasa menepati jadual waktu belajar supaya masa tidak terbuang," kata Murad kepada Hamdan.**
- A Murad memberitahu Hamdan bahawa dia akan menepati jadual waktu belajar supaya tidak membazir masa apabila dia tidak menjalani latihan bola sepak.
 - B Murad memberitahu Hamdan bahawa dia seorang yang menepati jadual waktu belajar kerana masa sangat penting bahkan dia tidak menjalani latihan bola sepak.
 - C Murad memberitahu Hamdan bahawa dia akan menjalani latihan bola sepak pada waktu terluang dan dia sentiasa menepati jadual waktu belajar supaya masa tidak dibazirkan begitu sahaja.
 - D Murad memberitahu Hamdan bahawa dia seorang yang sangat menepati jadual waktu belajar kerana tidak mahu membazir masa terutamanya apabila dia tidak menjalani latihan bola sepak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 25 - 27

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 25 I Penyelewengan wang syarikat yang dilakukan oleh rakan kongsinya itu dilakukan demi untuk kepentingannya diri sendiri.
II Ibu bapa berperanan untuk mendidik anak-anak supaya menjadi manusia yang berguna pada masa akan datang.
III Murid-murid yang terlibat dalam jenayah moral akan dikuatkuasakan undang-undang untuk menjaga perilaku mereka.
IV Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengamalkan perbelanjaan berhemat kerana negara dilanda kemelesetan ekonomi.
- A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C II dan IV sahaja
D III dan IV sahaja
- 26 I Apabila bulan Ramadan tiba, semua orang membelanjakan wang oleh dermawan itu.
II Pelumba basikal negara telah mengalami kekejangan otot sebaik sahaja tiba di garisan penamat.
III Kem askar itu dilengkapi dengan peralatan moden yang canggih bagi mengelakkan sebarang pencerobohan berlaku.
IV Hujan yang turun tanpa berhenti-henti selama tiga hari telah menyebabkan kampung kami dilanda banjir.
- A I dan IV sahaja
B II dan III sahaja
C I, II, dan III sahaja
D I, II, dan IV sahaja
- 27 I Guru-guru diminta untuk memastikan murid-murid tiada bermasalah disiplin di sekolah.
II Ibu bapa yang hadir ke Majlis Anugerah Kecemerlangan Sekolah menyesal sikap murid-murid yang tidak menghormati tetamu.
III Program Nilam dianjurkan bertujuan untuk memupuk sikap suka membaca dalam kalangan murid-murid di sekolah.
IV Para pemimpin Palestin bersetuju untuk berbincang di meja perundingan sebagai langkah penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi.
- A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C II dan IV sahaja
D III dan IV sahaja

Soalan 28 - 30

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

- 28 Datuk Baharudin berasa amat sedih apabila mengetahui anak sulungnya telah ditangkap polis kerana disyaki memiliki dadah.
Perasaan Datuk Baharudin itu boleh diibaratkan
- A gunting dalam lipatan.
 - B bagai kaca terhempas ke batu.
 - C sudah jatuh ditimpa tangga.
 - D ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.
- 29 Setelah bertahun-tahun merantau ke luar negara, akhirnya abang pulang juga ke kampung. Beginilah yang dikatakan orang
- A belut pulang ke lumpur.
 - B buang yang keruh ambil yang jernih.
 - C sesat di hujung jalan, balik ke pangkal.
 - D carik-carik bulu ayam, akhirnya bercantum juga.
- 30 Peribahasa *tiada rotan, akar pun berguna juga* membawa maksud
- A sementara menunggu apa-apa yang baik, lakukan juga pekerjaan yang berfaedah.
 - B sementara menantikan barang yang berharga, barangan yang tidak berharga juga boleh digunakan.
 - C sementara menunggu yang lebih baik, yang kurang baik pun boleh digunakan juga.
 - D sementara yang diusahakan mendatangkan hasil, eloklah menjual hasil yang sedia ada.

Soalan 31 – 35

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya. Pilih jawapan yang paling sesuai.

“Kota ini,” sambung Cikgu Zaidah lagi, “didirikan di zaman pemerintahan Belanda dulu”. Cikgu Zaidah berjalan-jalan di hadapa

“Di sinilah dibuat satu perjanjian di antara Belanda dengan Bugis.”

“Perjanjian apa, cikgu?” tanya Rahim berpura-pura tidak tahu.

“Perjanjian itu memberikan hak monopoli kepada Belanda membeli bijih dari hulu sungai di sana tu.” jawab Cikgu Zaidah sambil menunjuk ke barat, sebuah sungai merentang panjang.

Pelajar-pelajar yang mendengarnya mengangguk. “Bila kita semua nak makan?” tanya Rasyid tiba-tiba. Suasana menjadi riuh-rendah dengan ketawa.

“Sabar, Rasyid, sabar,” ujar Cikgu Zaidah. “Makan saja yang kamu ingat.” gerutunya lagi.

“Kerana itulah dia digelar Datuk Seri Selera, cikgu,” sampuk Rahim, disambut dengan gelak ketawa ramai.

Cikgu Zaidah ikut ketawa sambil menggeleng-geleng kepala. Dia kemudiannya menyuruh pelajar-pelajarnya memanjat tembok kota itu. “Kalau jumpa benda-benda yang ganjil, barangkali ada hubungannya dengan sejarah, bawalah kepada saya,” katanya.

“Apa benda yang ganjil tu, cikgu,” tanya Rasyid. “Berbagai-bagai. Barangkali pecahan pinggan mangkuk lama.”

Pelajar-pelajar itu mulai menyiasat. Mereka berebut-rebut memanjat tembok bekas kota, kira-kira tiga kaki tingginya, lalu menyusur sekeliling. Ada yang ke timur, ada yang ke barat. Tembok itu lebarnya cukup untuk dua orang berselisih. Sebahagiannya telah runtuh dan pecahan-pecahan batu tembok, ada yang memetik daun dan buang, ada pula yang mencatatkan sesuatu di dalam buku kecil masing-masing. Di sekolah, mereka akan bersama-sama membuat laporan tentang lawatan itu.

(Dipetik daripada cerpen *Gema Menggegar Kota* oleh Timah Baba dalam antologi *Sehijau Warna Daun*, Dewan Bahasa dan Pustaka.)

- 31 Kota lama yang terletak di Bukit Supai merupakan tinggalan
- A Jepun.
 - B Belanda.
 - C Inggeris.
 - D Portugis.
- 32 Apakah tujuan perjanjian antara Belanda dengan Bugis?
- A Memberi hak monopoli kepada penjajah
 - B Peluang penjajah tinggal lama di negara ini
 - C Supaya hak rakyat tempatan tidak dihargai
 - D Permuafakatan antara dua negara
- 33 Apakah nilai murni yang ditonjolkan oleh anak-anak murid Cikgu Zaidah dalam petikan di atas?
- A Berhemah tinggi
 - B Belas kasihan
 - C Bekerjasama
 - D Berdedikasi
- 34 Perwatakan Cikgu Zaidah yang boleh dikenal pasti di dalam cerpen ini **kecuali**
- A berpengetahuan luas.
 - B bertanggungjawab.
 - C penyayang.
 - D pemurah.
- 35 Susunan plot cerpen *Gema Menggegar Kota* ialah
- A tiba di Bukit Supai \Rightarrow Rasyid terpijak bom \Rightarrow bom diletupkan \Rightarrow pelajar berbasikal.
 - B Rasyid terpijak bom \Rightarrow bom diletupkan \Rightarrow pelajar berbasikal \Rightarrow tiba di Bukit Supai.
 - C bom diletupkan \Rightarrow Rasyid terpijak bom \Rightarrow tiba di Bukit Supai \Rightarrow pelajar berbasikal.
 - D pelajar berbasikal \Rightarrow tiba di Bukit Supai \Rightarrow Rasyid terpijak bom \Rightarrow bom diletupkan.

Soalan 36-40

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.
Pilih jawapan yang paling sesuai.

SYAIR TENAGA PEMUDA

Tenaga pemuda kalau diasuh,
Pimpin dan didik kotor dibasuh,
Tidaklah ia menjadi lusuh,
Amat berguna menentang musuh.

Tenaga pemuda memang terbilang,
Tenaga yang sedang gilang-gemilang,
Beban yang berat dapat dijulang,
Benda yang jauh dapat dijelang.

Tenaga pemuda tenaga bererti,
Tenaga yang berani menempah mati,
Tidak mengenal erti nanti,
Hanya penuh kemahuan mesti.

Tenaga pemuda mestilah sayang,
Jangan dibiarkan lemah dan goyang,
Di waktu muda tenaga kencang,
Berani sampai berputih tulang.

Tenaga pemuda kalau dijaga,
Kelak akhirnya sangat berharga,
Tenaga yang menjadi harapan bangsa,
Gagah berani mempertahankan negara.

(Gustam Negara,
Antologi Anak Bumi Tercinta)

36 Mengapakah tenaga pemuda amat berguna untuk menentang musuh?

- A Kerana pemimpin perlu mendidik tenaga pemuda pada masa hadapan.
- B Kerana tenaga pemuda akan menjadi ikutan kepada anak remaja bagi membela nasib bangsa.
- C Kerana tenaga pemuda boleh memupuk dan membimbing generasi muda supaya sayang akan negara.
- D Kerana tenaga pemuda masih kuat dan tenaga mereka sangat diperlukan untuk mempertahankan negara.

37

Beban yang berat dapat dijulang
Benda yang jauh dapat dijelang

Apakah maksud frasa di atas?

- A Pemuda rela berjuang untuk menghadapi apa-apa rintangan.
 - B Pemuda rela berkorban nyawa demi negara yang dicintai.
 - C Pemuda sanggup menyahut pelbagai cabaran.
 - D Pemuda sanggup menghadapi musuh negara.
- 38 Apakah persoalan yang boleh dikenal pasti dalam rangkap keempat puisi di atas?
- A Pemuda diperlukan untuk mempertahankan negara.
 - B Tenaga pemuda diperlukan untuk menghadapi cabaran.
 - C Peranan tenaga pemuda dalam pembangunan negara.
 - D Sikap bantu-membantu dalam kalangan tenaga pemuda.

39

Berani sampai *berputih tulang*

Gaya bahasa *berputih tulang* ialah

- A simile.
- B responsi.
- C metafora.
- D peribahasa.

- 40 Pengajaran yang dapat diperoleh daripada syair tersebut ialah
- A kita perlu menanamkan sikap berani dalam kalangan generasi muda.
 - B kita perlu mempertahankan generasi muda supaya negara aman.
 - C kita perlu mendidik generasi muda supaya memajukan negara.
 - D kita perlu membina negara melalui kerjasama generasi muda.

KERTAS SOALAN TAMAT